

PERKEMBANGAN PROGRAM PERMATA/ GENIUS SENI (PGS) DI MALAYSIA

NUR FARZANA AMALI
Universiti Kebangsaan Malaysia
p110162@siswa.ukm.edu.my

*NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH**
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurafifah@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

PERMATA/ GENIUS Seni (PGS) dibangunkan selari dengan program PERMATA Negara. PGS adalah program pendidikan seni di peringkat nasional dalam bidang koir, muzik dan tari untuk kanak-kanak berbakat di Malaysia. PGS telah melalui beberapa perubahan dari aspek pentadbiran, penyelarasan dan pembangunan sejak penubuhannya pada tahun 2010. Artikel ini bertujuan menjawab persoalan apakah faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi perkembangan PGS. Sehubungan dengan itu, sebuah kajian berbentuk kualitatif dirangka dengan memanfaatkan instrumen kajian kepustakaan dan temubual secara bersemuka serta atas talian. Pelbagai bahan bercetak dan digital seperti kertas-kertas kerja, laporan program, minit-minit mesyuarat, akhbar dan laman web program dijadikan sumber mengumpul data. Sementara itu, temu bual dilaksanakan bersama dengan individu yang terlibat secara langsung dengan program PGS, seperti pegawai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), pegawai Istana Budaya (IB), tenaga pengajar PGS, dan penyelarasan program. Hasil kajian mendapati faktor luaran yang mempengaruhi perkembangan PGS adalah perubahan punca kuasa pentadbiran program dan penjenamaan program daripada PERMATA Seni kepada GENIUS Seni bermula pada tahun 2018. Manakala, faktor dalaman pula adalah disebabkan oleh perlanjutan dan perkembangan program ke peringkat remaja sehingga maksimum umur 18 tahun, penganugerahan sijil kemahiran yang diiktiraf kepada peserta PGS, usaha perluasan program ke seluruh negara, dan pembinaan premis untuk operasi program PGS.

Kata kunci: GENIUS Seni; kanak-kanak berbakat di Malaysia; pendidikan; PERMATA/ GENIUS Seni; seni persembahan

THE DEVELOPMENT OF THE PERMATA/ GENIUS SENI (PGS) PROGRAM IN MALAYSIA

ABSTRACT

PERMATA/ GENIUS Seni (PGS) was developed in line with the PERMATA Negara program. PGS is a national arts education program in the field of choir, music and dance

for a talented children in Malaysia. PGS has undergone several changes in terms of administration, coordination and development since its inception in 2010. This article aims to answer the question of what are the internal and external factors that had influenced the development of the PGS program. A qualitative study was designed with library research and interview as the research instrument. Data was collected from various paperwork, reports, minutes of meetings, newspapers and program websites. Meanwhile, interviews were conducted with individuals directly involved with the PGS program, namely officers of the National Department of Culture and Arts (JKKN), Istana Budaya (IB) and the program coordinators. The results show that the external factors that had influenced the development of the PGS program are the change in the administration of the program and program branding from PERMATA Seni to GENIUS Seni since 2018. Meanwhile, internal factors include the youth-level program extension, awarding participants with a recognized skill certificate, expansion of programs across the country, and the construction of building for the operation of the PGS.

Keywords: GENIUS Seni; talented children in Malaysia; education; PERMATA/GENIUS Seni; performing arts

PENGENALAN

Program PERMATA Seni dilancarkan secara rasmi pada tahun 2010 oleh pencetus idea merangkap penaung program PERMATA iaitu Yang Amat Berbahagia (YAB) Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Majlis pelancaran tersebut berlangsung pada 11 Januari 2010 bertempat di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur. Sesi ini juga dihadiri oleh Yang Berbahagia (YB) Dato Seri Utama Dr Rais Yatim iaitu selaku Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia pada masa itu (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2015). Program ini adalah sebuah program pendidikan seni peringkat nasional yang dilaksanakan bagi kanak-kanak Malaysia yang berbakat dalam bidang seni persembahan seperti seni suara, seni tari dan seni muzik. Tujuan utama pelaksanaan program PERMATA Seni (PS) adalah sebagai satu bentuk latihan dan pendedahan awal bagi kanak-kanak dalam mempertingkatkan minat serta bakat mereka dalam bidang seni (Nur Farzana Amali & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2021). Dalam masa yang sama, program ini juga bertindak sebagai agen bagi mengembangkan bakat seni peserta program ini ke peringkat yang lebih tinggi (Permata Gemilang, 2017).

PERMATA Seni disasarkan sebagai program pemangkin bagi menyediakan sumber manusia berbakat dan ilmu seni bagi industri kreatif Malaysia. Program ulung ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia dan program seumpama ini belum terdapat di mana-mana negara di rantau Asia Tenggara, termasuk negara jiran terdekat seperti Singapura, Brunei, Indonesia, mahupun Thailand (Hasfan Nasution, 2022 & Jirayudh Sitaphon, 2021). Program PGS sangat unik kerana ia memberi penekanan kepada kanak-kanak seawal usia empat hingga lima tahun, manakala program kesenian negara jiran cenderung ditawarkan kepada pelajar di peringkat usia sekolah rendah iaitu 8 tahun ke atas. Di Indonesia, misalnya terdapat beberapa institusi yang menawarkan

program pendidikan seni persembahan seperti Sekolah Menengah Keseniaan Indonesia (IMade Bandem, 2008). Namun ianya terbatas kepada anak-anak yang berusia 15 tahun sehingga 21 tahun. Sedangkan program PERMATA Seni pula melibatkan kanak-kanak seawal umur empat tahun.

Program PERMATA Seni memupuk bakat kanak-kanak dalam seni persembahan. Pada masa yang sama program ini juga membentuk jati diri pesertanya. Program ini berhasrat melatih dan menyediakan sumber manusia berbakat untuk industri kreatif Malaysia. Program ini bertindak sebagai satu agen bagi menyediakan peluang dan ruang untuk kanak-kanak seawal usia untuk melibatkan diri dengan program pendidikan seni persembahan. Antara bidang seni yang disediakan dalam program PERMATA Seni adalah seni tari, seni muzik dan seni koir.

Program PERMATA Seni adalah salah satu daripada tujuh program berskala besar program PERMATA yang dibangunkan bagi kanak-kanak Malaysia. Program PERMATA Negara, PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Kurnia dan PERKASA Remaja adalah antara program yang ditawarkan di bawah program PERMATA (Permata Gemilang, 2017). Program terakhir yang ditawarkan dalam program PERMATA ialah program PERMATA STEM *Talent* iaitu pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Kesemua program PERMATA diletakkan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa penubuhan awalnya. Namun pada tahun 2018, setelah perubahan kerajaan Malaysia melalui PRU ke-14, program PERMATA dipindahkan secara penuh ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2018). Ketika inilah program PERMATA telah melalui proses penjenamaan semula dengan nama baharunya GENIUS. Maka PERMATA Seni selepas itu dikenali dengan nama GENIUS Seni (GS).

Setiap program PERMATA dibangunkan dengan visi dan misi yang tersendiri. Memiliki visi dan misi yang jelas penting bagi membantu menyusun dan menggerakkan strategi pembangunan program. PERMATA Seni ditubuhkan dengan bersandarkan kepada visi dan misi yang terbaik, serta yang dirangka khusus bagi bidang kesenian terutamanya bidang seni persembahan koir, muzik dan tari. Visi utama PERMATA Seni adalah bercita-cita dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dalam bidang kebudayaan seni serta mempunyai jati diri yang kukuh pada masa hadapan (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016c). Sementara itu, misi program ini adalah;

- i. mencelikkan generasi kanak-kanak Malaysia kepada seni secara matang supaya pemikiran otak kiri dan kanan mereka aktif dengan seimbang serta mempertingkatkan tahap keyakinan diri;
- ii. menggilap bakat kanak-kanak dan remaja yang cemerlang dalam bidang seni;
- iii. memperkasakan sahsiah dan jati diri kanak-kanak melalui aktiviti berkaitan bidang seni dan budaya;
- iv. serta melahirkan modal insan yang berkualiti dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan

(Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016c.)

Peserta bidang-bidang ini dikenali sebagai pelajar PERMATA/ GENIUS Seni Koir (GSK), PERMATA/ GENIUS Seni Muzik (GSM) dan PERMATA/ GENIUS Seni Tari (GST). Kriteria umur bagi pemilihan peserta bagi program PERMATA/ GENIUS Seni adalah, kanak-kanak yang berusia 7 hingga 12 tahun. Namun begitu, pada tahun

2017, had umur peserta yang menyertai program PERMATA Seni telah dilanjutkan kepada 18 tahun dengan memperkenalkan program di peringkat remaja (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2017b). Insentif ini diambil kerana pihak pengelola program iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB), berusaha menyediakan kesinambungan kepada peserta PERMATA Seni yang telah tamat program tersebut. Penawaran program PERMATA Seni Remaja kepada graduan PGS bertujuan menyediakan peluang laluan akademik dan kerjaya dalam bidang seni yang '*substantial*' bagi pesertanya.

Sejak dilancarkan pada tahun 2010, program PERMATA/ GENIUS Seni telah melalui beberapa perubahan yang melibatkan pelbagai aspek termasuklah nama program, pentadbiran, pengurusan, penstrukturan program, kedudukan dan hala tuju program. Perubahan ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan semasa program. Penelitian awal terhadap perubahan program PERMATA/ GENIUS Seni ini menunjukkan bahawa ia didasari oleh beberapa faktor dalaman serta luaran. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan kepada program PERMATA/ GENIUS Seni dengan menggunakan pendekatan kaedah historiografi.

OBJEKTIF KAJIAN

Program PERMATA/GENIUS Seni pada tahun 2021 telah menjangkau usia lebih sedekad. Dalam jangka masa 11 tahun ini, PERMATA/GENIUS Seni telah melahirkan lebih kurang 65 alumni bagi ketiga-tiga program seni persembahan yang dilaksanakannya. Lanjutan itu, artikel ini bertujuan membincangkan faktor-faktor luaran dan dalaman yang menyumbang kepada perkembangan program PERMATA/ GENIUS Seni sejak tahun 2010 sehingga 2021.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dibangunkan dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sepenuhnya iaitu memanfaatkan kajian kepustakaan dan temubual. Antara bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak yang dianalisis adalah merangkumi laporan program, kertas-kertas kerja, minit mesyuarat, akhbar, artikel jurnal, buku, laman web rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Kaedah analisis temu bual yang digunakan adalah berbentuk separa berstruktur. Sesi temubual dilaksanakan secara bersemuka dan juga secara atas talian dengan menggunakan medium *Google Meet* serta *Zoom*. Pendekatan secara atas talian dijalankan atas faktor kekangan perintah kawalan pergerakan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Informan yang terlibat dalam sesi temubual adalah terdiri daripada pegawai Bahagian Bimbingan Seni Budaya (BSB), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), pegawai Istana Budaya (IB), penyelaras program PERMATA/GENIUS Seni dan tenaga pengajar PERMATA/GENIUS Seni. Kesemua informan adalah individu yang pernah dan masih aktif terlibat secara langsung dalam program PERMATA/GENIUS Seni sejak penubuhannya pada tahun 2010.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Penelitian terhadap data-data kajian membuktikan bahawa dalam masa lebih sedekad, program PERMATA/GENIUS Seni telah melalui pelbagai perubahan dan perkembangan yang melibatkan struktur dan perluasan program. Perkara tersebut telah dilaksanakan dan diselaraskan oleh pengelola program dari masa ke masa yang disebabkan faktor luaran dan juga faktor dalaman.

Faktor Luaran: Perkembangan Program PERMATA/ GENIUS Seni

Hasil analisis kajian mendapati terdapat faktor yang menyumbang kepada perkembangan yang berlaku pada program PGS yang disebabkan oleh faktor luaran. Penelitian terhadap sumber-sumber kajian membuktikan bahawa perubahan besar dan drastik berlaku kepada program PGS disebabkan faktor luaran. Faktor luaran tersebut terdiri daripada faktor perubahan kerajaan Malaysia melalui Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14.

Faktor perubahan kerajaan

PERMATA/ GENIUS adalah sebuah program yang dibina atas dasar bagi menyediakan pendidikan berstruktur dalam pelbagai bidang kepada kanak-kanak di Malaysia. Walaupun program PERMATA/ GENIUS dibangunkan secara berstruktur dengan perancangan yang diselaraskan oleh barisan pakar mengikut bidang, masih terdapat persoalan mengenai keperluan dan fungsi program ini oleh sesetengah masyarakat. Program PERMATA didakwa sebagai sebuah projek yang dilaksanakan dengan perbelanjaan yang besar. Purata peruntukan bagi program ini adalah sebanyak RM30 juta sehingga RM60 juta setahun (Kementerian Kewangan Malaysia, 2016 & 2017). Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa sumber yang diperolehi daripada beberapa berita yang disiarkan di akhbar tempatan (Malaysiakini, 2014). Antara persoalan yang dibangkitkan adalah tentang status pentadbiran, keperluan program, dan dana yang diperuntukkan (Bernama, 2018). Persoalan-persoalan tersebut telah menyebabkan kajian dilakukan terhadap keperluan dalam meneruskan program PERMATA di Malaysia apabila kerajaan baharu mengambil alih pemerintahan negara pada tahun 2018.

Program PERMATA pada awal penubuhannya dinaungi serta diurus tadbir di bawah Bahagian PERMATA oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM). JPM bertindak sebagai pemegang kuasa bagi semua program PERMATA. Dalam masa yang sama PERMATA turut melaksanakan urusan kerjasama tentang hal-hal pengurusan dengan kementerian-kementerian yang bersesuaian dengan program-program PERMATA. Bagi program PERMATA Seni, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikannya. Kementerian ini melaksanakan program PERMATA Seni melalui agensi pelaksana yang sesuai dengan bidang dalam PERMATA Seni. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB) adalah dua agensi pelaksana yang terlibat dalam mengurus tadbir program ini. Bahagian Bimbingan Seni Budaya, JKKN berfungsi sebagai penyelarasan dalam pengurusan dan kewangan PERMATA Seni. Selain itu, ia turut dilantik sebagai badan utama yang akan mengelola program PERMATA Seni Koir dan PERMATA Seni Tari. Manakala Istana Budaya (IB) pula berperanan dalam menguruskan segala aktiviti yang berkaitan dengan PERMATA Seni Muzik.

Pada tahun 2018, Program PERMATA telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta merta atas faktor perubahan kerajaan selepas Pilihanraya Umum yang ke-14 (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2019a). KPM telah mengambil alih dan bertindak sebagai badan yang menyelaras punca kuasa bagi semua program PERMATA. Di KPM, program GENIUS dikawal selia di bawah bidang kuasa Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, 2019a). Walaupun punca kuasa berubah dari JPM ke KPM, program GENIUS Seni tetap dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB).

Faktor perubahan kerajaan telah melibatkan penjenamaan semula kepada program PERMATA secara keseluruhan. Program PERMATA yang merupakan singkatan kepada Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak, ditukarkan dengan nama baharu iaitu Program GENIUS (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2019b). Hal ini menyebabkan program PERMATA Seni kini dikenali sebagai GENIUS Seni bermula pada tahun 2018. Pertukaran ini juga terpakai kepada semua bidang di bawah GENIUS Seni. PERMATA Seni Tari, Muzik dan Koir berubah kepada GENIUS Seni Tari, GENIUS Seni Muzik dan GENIUS Seni Koir. Dalam masa yang sama, objektif pelaksanaan program juga ditambah baik dari segi kualiti pelaksanaan pengendalian keseluruhan program di bawah PERMATA sebelum ini (Malaysiakini, 2019). Ianya bertujuan dalam memperkasakan lagi struktur dan pengendalian program pada masa akan datang.

Faktor Dalaman: Perkembangan Program PERMATA/ GENIUS Seni

Bahagian ini membincangkan perkembangan yang berlaku dalam program PERMATA/ GENIUS Seni yang berpunca daripada faktor dalaman iaitu penambahbaikan dan semakan secara berkala oleh pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan program PERMATA/ GENIUS Seni. Perkembangan tersebut terdiri daripada peluasan program peringkat remaja, pengiktirafan sebagai pusat pembelajaran seni, peluasan program ke seluruh negara dan pembangunan pusat PERMATA/ GENIUS Seni.

Penambahbaikan dan semakan program secara berkala

Penambahbaikan program dan semakan program secara berkala pada setiap tahun adalah salah satu matlamat yang bagi program PERMATA Seni sejak awal penubuhannya lagi. Ianya adalah selari dengan hasrat program dalam melahirkan generasi yang berdaya saing dan seimbang dengan pendidikan seni serta mempunyai jati diri yang kukuh (Permata Gemilang, 2011). Oleh itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Istana Budaya selaku pengelola program telah merangka pelan penambahbaikan program secara berperingkat mengikut keperluan semasa. Namun semua keputusan dibuat atas kelulusan daripada penaung program dan Ketua Pengarah JKKN yang juga merangkap sebagai pengarah Program PERMATA/ GENIUS Seni.

Antara perkara yang ditambah baik dalam program PERMATA/ GENIUS Seni (PGS) adalah melibatkan peluasan program kepada peringkat yang lebih tinggi iaitu remaja, pengiktirafan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB) sebagai pusat pembelajaran seni, perluasan semua program di bawah PERMATA/ GENIUS ke seluruh negara dan pembangunan pusat PGS secara

terancang. Kesemua perancangan telah diusahakan dan dikemaskini secara keseluruhannya oleh pihak pengurusan yang menguruskan PGS secara amnya. Individu-individu yang dimaksudkan berkenaan adalah barisan individu daripada Bahagian Bimbingan Seni Budaya (BSB) iaitu sebuah sub-jabatan kerajaan di bawah seliaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Peluasan program peringkat remaja


Program PERMATA Seni pada tahun 2010 hanya menyediakan latihan bimbingan dan pendedahan dalam bidang seni kepada kanak-kanak yang berusia antara tujuh sehingga 12 tahun sahaja. Namun setelah lima tahun pelaksanaannya pada tahun 2015, program PERMATA Seni telah diperluaskan kepada PERMATA Seni Remaja pada 2016 (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016c). Oleh itu, anak-anak PGS yang telah mencapai umur 13 tahun diberi peluang dan ditawarkan untuk menyertai PERMATA/ GENIUS Seni Remaja mengikut kriteria yang telah ditetapkan bagi setiap program PERMATA/ GENIUS Seni Koir, PERMATA/ GENIUS Seni Muzik dan PERMATA/ GENIUS Seni Tari.

Program PERMATA/ GENIUS Seni Koir berpegang pada objektif, mewujudkan platform untuk anak-anak Malaysia yang berbakat dan memiliki vokal cemerlang bagi membentuk kumpulan koir yang bertaraf antarabangsa (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2019a). Peserta kumpulan PERMATA/ GENIUS Seni Koir dikelompokkan kepada beberapa kumpulan dengan bersandarkan kepada aspek umur, bakat, personaliti dan kelayakan dalam bidang koir. Neo, Novus, PERMATA/ GENIUS Seni Koir (GSK) dan PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Koir (GSRK) adalah nama-nama kumpulan yang terdapat dalam program PERMATA/ GENIUS Seni Koir.

Neo adalah gelaran bagi kumpulan anak-anak yang diberi peluang percubaan. Peserta Neo akan diberi peluang sesi pembelajaran sebanyak lapan kali sebelum dinilai dan ditempatkan ke program Novus, PERMATA/ GENIUS Seni Koir atau pun PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Koir (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a). Mereka secara amnya hanya akan didedahkan dengan pengenalan asas nyanyian dan muzik sahaja. Manakala ahli Novus pula akan diberi peluang untuk mengikuti kelas selama setahun. Kanak-kanak tersebut juga perlu mengambil beberapa ujian dan lulus sebelum menyertai PGSK. Ahli kumpulan Neo dan Novus secara dasarnya tidak dianggap sebagai pelajar rasmi program PERMATA/ GENIUS Koir selagi tidak lulus dalam ujian yang diberikan (Syafinaz Selamat, 2021). Sekiranya tidak melepasi beberapa syarat yang ditetapkan semasa menjadi ahli Neo dan Novus, mereka perlu mengulangi semula proses pemilihan iaitu dengan mengikuti uji bakat yang dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Ujian berkenaan lazimnya akan berlangsung pada bulan Ogos setiap tahun (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a).

Seterusnya, PERMATA/ GENIUS Seni Koir (GSK) adalah program yang menerima masuk anak-anak yang telah melepasi tempoh penilaian di peringkat Neo dan Novus. Pelajar PGSK adalah kanak-kanak yang berusia daripada tujuh tahun sehingga 12 tahun sahaja. Ciri yang diketengahkan adalah berkebolehan untuk menyanyikan *repertoire* secara satu suara (*unison*), dua lapisan suara (*two-part harmony*) dan tiga lapisan suara (*three-part harmony*) (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2019b). Kebolehan teknik tersebut amat penting memandangkan

ianya adalah asas kepada pembelajaran muzik terutamanya di peringkat asas (José Vaillancourt, 2009). Selanjutnya, setelah para pelajar GSK mencapai usia 13 tahun, mereka akan diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang koir atau nyanyian dengan menyertai GSRK. Walau bagaimanapun, anak-anak tersebut hanya akan serap masuk ke program remaja sekiranya berjaya melengkapkan semua silibus di peringkat GSK (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a). Berikut adalah tahap-tahap pembelajaran dalam program PERMATA/ GENIUS Seni Koir.




RAJAH 1. Tahap-Tahap Pembelajaran Program PERMATA/ GENIUS Seni Koir
(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a)

Program seni koir di peringkat remaja mula dijalankan pada tahun 2015. Ianya adalah selaras dengan hasrat PGS dalam menyediakan peluang kepada anak-anak yang berpotensi tinggi dalam seni koir sehingga umur 18 tahun. Dalam sesi pembelajaran, para pelatih akan didedahkan dengan latihan secara praktikal atau amali dan teori. Antaranya adalah kemahiran dan latihan lapisan suara yang jauh lebih tinggi berbanding yang dipelajari semasa di peringkat asas (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a). Hal ini bermaksud aktiviti teras mereka adalah lebih pelbagai dan dalam masa yang sama semakin terperinci daripada peringkat sebelumnya ini. Perinciannya merangkumi pembelajaran dan latihan berkala, latihan intensif, kem, persembahan berkala, persembahan yang dirancang dan lain-lain. Tambahan pula, pada usia seawal 13 tahun anak-anak PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Koir dibenarkan untuk mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 3 dalam bidang nyanyian (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a).

Sebelum PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Muzik (GRSM) dimulakan pada tahun 2015 anak-anak dalam bidang seni muzik ini terdiri daripada kalangan yang berumur 6 sehingga 15 tahun sahaja. Namun begitu berlaku beberapa kali perubahan had umur yang ditetapkan. Ianya adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti memberi peluang kepada anak-anak yang berbakat untuk menyertai program muzik


walaupun umur sesetengah daripada mereka tidak termasuk dalam syarat am menyertai program yang sepatutnya (Mustafa Fuzer, 2020). Istana Budaya (IB) selaku penyelaras bagi program PERMATA/ GENIUS Seni Muzik (GSM) membuka penyertaan pada setiap tahun dan hanya terhad kepada peserta dari sekitar Lembah Klang sahaja. Berikut adalah fasa perubahan penetapan had umur yang dilaksanakan dalam program PERMATA/ GENIUS Seni Muzik sejak tahun 2009 sehingga kini.



RAJAH 2. Fasa Perubahan Had Umur PERMATA/ GENIUS Seni Muzik Sejak Tahun 2009 Sehingga Kini

(Sumber: Mustafa Fuzer, 2020)


Berdasarkan perubahan penetapan umur bagi anak-anak yang menyertai PERMATA/ GENIUS Seni Muzik di atas, dapat dikenalpasti bahawa sehingga tahun 2014 ianya terhad setakat umur 15 tahun sahaja. Namun sejak program remaja diperkenalkan pada tahun 2015, telah berlaku peningkatan sehingga kepada usia 18 tahun (Istana Budaya, 2021). Menurut ketua penyelaras program muzik iaitu Mustafa Fuzer, terdapat perancangan untuk meningkatkan lagi had usia GSRM sehingga ke umur 25 tahun (Mustafa Fuzer, 2020). Namun, ia masih dalam peringkat perbincangan sahaja. Terdapat beberapa prosedur yang akan dilaksanakan sebelum rancangan ini dapat dijalankan. Dalam masa yang sama terdapat beberapa isu yang timbul. Hal ini kerana hasrat tersebut dianggap tidak menepati dan memenuhi kriteria asas yang ditetapkan semasa awal penubuhan PGS. Pada dasarnya, program PERMATA/ GENIUS Seni ini dibina bagi memberi peluang pendidikan seni kepada individu yang berusia seawal 6 tahun dan maksimum 18 tahun sahaja (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017c). Berikut adalah tahap-tahap pembelajaran program PERMATA/ GENIUS Seni Muzik.



RAJAH 3. Tahap-Tahap Pembelajaran Program PERMATA/ GENIUS Seni Muzik
(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2019b)

Seni tari adalah bidang seni yang terakhir sekali diperkenalkan di dalam program PGS (Hasryn Izzuddin Mohd Khairy, 2020). Anak-anak yang menyertai bidang seni tari dibahagikan kepada beberapa kumpulan iaitu *Pucuk*, PERMATA/ GENIUS Seni Tari dan PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Tari. *Pucuk* merupakan kanak-kanak yang berusia seawal 6 tahun hingga 12 tahun yang menyertai uji bakat yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Sesi uji bakat hanya terhad dibuka untuk peserta yang berkebolehan dalam bidang seni tari tradisional mahupun kontemporari (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021b). Kepelbagaian ini juga melibatkan seni persembahan lokal dan juga campuran budaya luar. Ianya adalah kerana keunikan seni persembahan Malaysia sendiri banyak dipengaruhi oleh seni persembahan dari luar (Mohd Hassan Abdullah, 2007). Dalam masa yang sama, anak-anak *Pucuk* akan diberi tempoh percubaan selama 6 bulan hingga 1 tahun sebelum diserap masuk ke PERMATA/ GENIUS Seni Tari secara rasmi (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021b). Syarat yang dikenakan untuk melepasi peringkat kumpulan ini adalah perlu mempamerkan prestasi yang memberangsangkan semasa penilaian berkala program dilaksanakan.

Selanjutnya, setelah kanak-kanak Kumpulan *Pucuk* berjaya melepasi ujian prestasi yang ditetapkan, mereka akan diterima masuk secara rasmi ke dalam PERMATA/ GENIUS Seni Tari (GST). Had umur bagi GST adalah bermula dari 7 tahun sehingga 12 tahun sahaja. Setakat tahun 2020, purata jumlah pelajar GST adalah seramai 60 orang setiap tahun (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2020). Majoriti daripada mereka adalah kanak-kanak yang berasal dari Lembah Klang kerana ia adalah syarat khusus yang telah ditetapkan oleh JKKN sejak tahun 2016 (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021b). Penetapan syarat berikut dilaksana memandangkan latihan dijalankan di pusat latihan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Induk yang berpangkalan di Kuala Lumpur. GST juga didatangkan dengan silibus lengkap yang merangkumi pembelajaran estetika persembahan tari, asas tari rakyat, asas tari kreasi dan kreatif serta *fun dance*. Ianya bertindak sebagai satu bentuk persediaan untuk memasuki ke program remaja pada usia 13 tahun. Berikut adalah tahap-tahap pembelajaran program PERMATA/ GENIUS Seni Tari.



RAJAH 4. Tahap-Tahap Pembelajaran Program PERMATA/ GENIUS Seni Tari
(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021b)

PERMATA Seni Tari atau kini dikenali sebagai GENIUS Seni adalah salah satu program peluasan di peringkat remaja selain daripada PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Koir dan PERMATA GENIUS Seni Remaja Muzik. Individu yang berhasrat untuk melanjutkan pembelajaran ke peringkat remaja perlu menyertai sekurang-kurangnya satu tahun di program *Pucuk* dan baki dua tahun bersama GST (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021b). Silibus yang dijalankan pada peringkat PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Tari (GSRT) adalah lebih terperinci dari aspek pembelajaran dan penilaian jika dibanding dengan peringkat *Pucuk* dan GST. Hal ini kerana anak-anak berkenaan diwajibkan untuk mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DKM) (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2019a).

Pengiktirafan sebagai pusat pembelajaran seni

Pada tahun 2016, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB) telah mendapat pengiktirafan sebagai pusat Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Pengiktirafan ini adalah hasil daripada kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia Malaysia (Laporan Pembentangan Sempena Mesyuarat Yayasan Permata Malaysia, 2016). Hasil daripada perakuan tersebut, banyak perkara yang dikemaskini dalam program PGS. Terutamanya melibatkan pembangunan program PERMATA/ GENIUS Seni Remaja. Barisan tenaga pengajar program PGS juga telah ditauliahkan sebagai *Coach* dan *Trainer* oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), JPK (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Ianya selari dengan hasrat program bagi memantapkan lagi sistem pengajaran dan pembelajaran PERMATA/ GENIUS Seni.

Dalam masa yang sama, pengiktirafan ini telah mengubah sistem pelaksanaan latihan dan pembelajaran di peringkat PERMATA/ GENIUS Seni Remaja. Lebih-lebih lagi apabila JPK telah memperakui subjek yang terkandung dalam silibus pengajian GSR. Ia bertujuan dalam menjadikannya lebih kompleks dan bersesuaian dengan keperluan semasa program.

Perubahan silibus tersebut merangkumi semua bidang iaitu seni muzik, koir dan tari. Sejak dari itu, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dijalankan secara rasmi dalam program PERMATA/ GENIUS Seni Remaja. GSRK menawarkan SKM Tahap 3 manakala GSRT pula, SKM Tahap 2, SKM Tahap 3 dan DKM Tahap 4. Walaupun begitu, bermula pada tahun 2018, SKM tidak lagi

tersenarai dalam keperluan wajib bagi silibus PERMATA/ GENIUS Seni Remaja Muzik (Mustafa Fuzer, 2020). Hal ini adalah kerana majoriti pelajar yang menyertai GSRM telah berjaya memiliki kelayakan *Associated Board of the Royal Schools of Music* (ABRSM) yang dikatakan setaraf dengan SKM (Mustafa Fuzer, 2020). Menurut Valerie Ross (2013), ABRSM merupakan bentuk ujian muzik yang dilaksanakan dan terpakai pada lebih 90 negara di seluruh dunia. Ianya berstatus sama atau setaraf dengan SKM yang dilaksanakan dalam PGS. Namun, program pensijilan SKM ini tetap diteruskan bagi pelajar bidang seni tari dan seni koir sehingga kini.

Peluasan program ke seluruh negara

Pada tahun 2017, program PERMATA/ GENIUS Seni telah memasuki tahun ke-8 pelaksanaannya. Salah satu penambahbaikan yang diusahakan oleh pihak pengelola PERMATA/ GENIUS Seni adalah memperluaskan program ke seluruh negara (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Hal ini kerana sejak program dilaksanakan pada tahun 2010, hampir semua aktiviti teras program PGS hanya terhad di sekitar Lembah Klang sahaja. Proses perluasan tersebut dilaksanakan secara terancang iaitu melalui beberapa fasa. Peluasan program ke negeri-negeri lain ini adalah salah satu hasrat yang disuarakan oleh Datin Seri Rosmah Mansor, selaku penaung program PERMATA/ GENIUS dalam mengembangkan lagi program PGS ke seluruh Malaysia (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Keputusan rancangan ini telah dipengerusikan dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a).

Secara amnya, peluasan program PERMATA/ GENIUS Seni dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa objektif yang mengambil kira kesan baik dalam jangka masa panjang pada program PERMATA/ GENIUS Seni. Selain itu, peluasan program ini juga memberi kesan positif terhadap masa depan anak-anak yang berpotensi besar dalam bidang seni seperti dalam seni persembahan tari, muzik dan suara termasuk kanak-kanak dari luar Lembah Klang. Secara tidak langsung ia dapat membantu dalam melahirkan lebih ramai lagi generasi yang berbakat dan berkebolehan tinggi dalam bidang seni yang diceburi.

Bagi memastikan rancangan ini berjalan seperti yang dirancang oleh pihak JKKN, usaha sama antara pihak lain juga dilaksanakan. Antara langkahnya ialah bekerjasama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara di setiap negeri. Namun ianya hanya terpakai bagi program PERMATA/ GENIUS Seni Koir dan PERMATA/ GENIUS Seni Tari sahaja (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Setiap JKKN negeri diberi tanggungjawab oleh JKKN Induk untuk merancang, mengelola, dan menguruskan segala aktiviti bagi setiap program PERMATA/ GENIUS Seni bagi negeri masing-masing (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Namun, bidang kuasa pentadbiran yang melibatkan punca kuasa dan kewangan masih lagi dikawal oleh JKKN Induk iaitu melalui Bahagian Bimbingan Seni Budaya (BSB) (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016b).

Pada fasa pertama, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Induk telah memilih Melaka sebagai negeri pertama bagi memulakan program peluasan PERMATA/ GENIUS Seni (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). JKKN Melaka telah menjadi pilihan dalam fasa berkenaan disebabkan beberapa faktor. Antaranya kerana JKKN Melaka merupakan salah sebuah agensi badan kerajaan yang aktif mempromosikan kesenian dan kebudayaan tempatan. Hal ini dapat dibuktikan sebagaimana mereka aktif dalam melaksanakan aktiviti dan program seni seperti

Festival Tari Negeri, Program Merakytakan Seni dan Budaya, Program Bimbingan Seni dan Budaya, Persembahan Berjadual, Serlahan Budi, Program Berkonsepkan Mentor dan Mentee serta memiliki Makmal Inovasi dan Usahawan Produk Seni dan Budaya (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021a). Program sedemikian dijalankan atas dasar menyemarakkan budaya lokal dalam kalangan masyarakat setempat melalui aktiviti dan program berunsur seni budaya tempatan. Selain itu, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh JKKN Negeri Melaka juga memainkan peranan penting dalam pemilihan menjayakan program peluasan PGS.

Bagi merealisasikan hasrat JKKN Melaka sebagai penggerak awal program peluasan tersebut, JKKN Melaka dengan kerjasama JKKN Induk dan Istana Budaya menganjurkan sebuah konsert mega pada tahun 2017. Konsert tersebut juga adalah sebahagian daripada aktiviti dan persembahan wajib yang terdapat dalam perancangan tahunan program PGS (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016c). Jika sebelum ini, konsert tersebut dinamakan sebagai Konsert PERMATA/ GENIUS Seni, namun pada tahun tersebut telah diubah dan dikenali sebagai Konsert Jelajah PERMATA Seni 2017. Tema yang dipilih bagi konsert tersebut adalah “Seni Merentasi Zaman” dan berlangsung dengan konsep persembahan pentas berbentuk muzikal yang cukup menarik (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016c). Segmen konsert pula dibahagikan kepada empat bahagian iaitu;

- i. Melaka Pusat Pemerdagangan Antarabangsa
- ii. Keharmonian dan Kepelbagaian
- iii. Peredaran Zaman
- iv. Generasi Penyambung Warisan

(Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016c)

Seramai 143 kanak-kanak dari program PERMATA/ GENIUS Seni Koir, PERMATA/ GENIUS Seni Tari dan PERMATA/ GENIUS Seni Muzik telah berganding bahu dalam menjayakan konsert yang berlangsung selama dua hari di Kompleks JKKN Melaka, Ayer Keroh Melaka (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017d).

Negeri lain yang turut terpilih dalam program peluasan PERMATA/ GENIUS Seni Koir dan PERMATA/ GENIUS Seni Tari ialah Pulau Pinang, Perak, Johor, Selangor, Kelantan dan Sarawak (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Manakala bagi bidang seni muzik pula, antara negeri yang disenarai pendek terdiri daripada tiga negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Mengikut perancangan awal program, seorang jurulatih dan penolong jurulatih PERMATA/ GENIUS Seni Muzik akan ditugaskan untuk membantu bagi memantapkan lagi silibus yang sedia ada di setiap JKKN negeri yang terlibat. Dalam masa yang sama, Istana Budaya juga memainkan peranan dalam menubuhkan Orkestra Simfoni PERMATA/ GENIUS Seni Muzik dan Orkestra Tradisional PERMATA/ GENIUS Seni Muzik yang dijalankan sepenuhnya di Istana Budaya, Kuala Lumpur (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2017a). Namun begitu, perancangan peluasan tidak dapat disempurnakan sepenuhnya mengikut perancangan asal. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat kekangan kerana peruntukan bajet yang terhad kepada program ketika itu (Hasryn Izzuddin Mohd Khairy, 2020).

Pembangunan pusat PERMATA/ GENIUS Seni

Membangunkan sebuah pusat PERMATA/ GENIUS Seni adalah salah satu rancangan masa panjang program PGS sejak ia dilancarkan lagi. Hal ini kerana segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa hanya dijalankan di ruangan yang sangat terhad iaitu seperti yang tersedia di bangunan di JKKN serta Istana Budaya. Ianya telah menjadi salah satu faktor keterbatasan peluang dan ruang yang bersesuaian dalam menjalankan aktiviti dan latihan bagi kanak-kanak dalam PGS. Oleh itu, pada tahun 2016 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya (IB) selaku pengelola program semasa PGS telah memulakan perancangan bagi mendirikan sebuah pusat yang khusus bagi program PGS. Objektif pembinaan ini adalah sebagai satu langkah ke hadapan untuk menjadikan PGS sebagai pusat latihan dan bimbingan seni, pusat pembangunan serta sebagai pusat rujukan seni budaya khusus bagi kanak-kanak (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016a).

Melalui pelan yang telah dirancang, pusat berkenaan dijangkakan akan siap dibina sepenuhnya pada tahun 2023. Lokasi yang telah menjadi pilihan bagi mendirikan pusat PGS adalah bertempat di ibu kota Kuala Lumpur. Purata jumlah peruntukan pembinaannya adalah sebanyak RM60 juta secara keseluruhannya (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016a). Berdasarkan perancangan, ruang-ruang yang bakal dibina akan dibahagikan kepada beberapa bahagian yang merangkumi ruang latihan dan pembelajaran, ruang persembahan, ruang penyimpanan barangan keperluan, ruang pentadbiran dan ruang kemudahan lain-lain. Bangunan yang siap dibina sememangnya dijangkakan dapat memberi manfaat kepada ramai pihak. Terutamanya kepada individu-individu yang terlibat dengan secara langsung mahupun tidak langsung dengan program PERMATA/ GENIUS Seni. Termasuklah pada bahagian pentadbiran dan pendidikan seperti pakar bidang seni persembahan, tenaga pengajar, pelajar PGS daripada bidang seni muzik, koir tari dan lain-lain.

KESIMPULAN

Program PERMATA/ GENIUS Seni yang merangkumi program PERMATA/ GENIUS Seni Koir, PERMATA/ GENIUS Seni Muzik dan PERMATA/ GENIUS Seni Tari dibina bagi menyediakan dan memberi peluang kepada kanak-kanak seawal usia 6 tahun dalam memperoleh ilmu dalam bidang seni secara berstruktur. Seterusnya, visi program pula berpegang kepada hasrat untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dalam bidang kebudayaan seni serta mempunyai jati diri yang kukuh. Manakala misi program adalah menjurus dalam mencelikkan generasi kanak-kanak Malaysia kepada seni secara matang, menggilap bakat kanak-kanak dan remaja yang cemerlang dalam bidang seni, memperkasakan diri kanak-kanak menerusi aktiviti dalam bidang seni dan budaya, serta menghasilkan modal insan yang berkualiti yang hasilnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan.

Selari dengan objektif, visi dan misi program yang telah dipegang selama lebih sedekad pelaksanaannya sejak tahun 2010, terdapat beberapa perkembangan yang berlaku di dalam program PGS. Perkembangan ini telah disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Bagi faktor luaran perkembangan yang dimaksudkan adalah impak daripada perubahan kerajaan selepas pilihan raya umum ke-14 pada tahun 2018. Manakala, bagi faktor dalaman pula ianya berlaku atas langkah proaktif penambahbaikan program dan semakan berkala oleh badan pelaksana. Hasilnya, terdapat perkembangan melibatkan peluasan program PGS ke peringkat remaja,

pengiktirafan PGS sebagai pusat pembelajaran seni, peluasan program ke seluruh negara dan pembangunan pusat PERMATA/ GENIUS Seni (PGS). Secara dasarnya, perkembangan ini berlaku secara berfasa dan berkepentingan baik untuk masa depan program.

RUJUKAN

- Bandem, I Made. 2008. *Performing Arts of Indonesia (Performance Education and Archive)*. Middletown: Wesleyan University.
- BERNAMA. 2018. *Keputusan Audit Dalamana Pelaksana Program Permata Diketahui Selepas Raya*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keputusan-audit-dalamana-pelaksana-program-permata-diketahui-selepas-raya-177622> [20 Ogos 2021].
- Bruno, L., Ana G. D. C., Marilena, N., Roseli, D. L. 2017. Augmented Reality Musical App to Support Children's Musical Education. *Journal of Computer Science and Information Technology*, 5(4): 121–127.
- Hasfan Nasution. 2022. Program seni persembahan kanak-kanak di Asia Tenggara. Temu bual atas talian, 15 Januari.
- Hasryn Izzuddin Mohd Khairy. 2020. Perkembangan Program PERMATA/ GENIUS Seni. Temu bual, 25 November.
- Istana Budaya. 2021. *Laporan Struktur Genius Seni Muzik*. Kuala Lumpur: Istana Budaya.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2016a. *Kertas Cadangan Pembinaan Pusat PERMATA Seni*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2016b. *Kertas Kerja Pelaksanaan Perluasan PERMATA Seni Di Negeri*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2016c. *Laporan Program PERMATA Seni 2016*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2017a. *Laporan Prestasi Program PERMATA Seni*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2017b. *Laporan Program PERMATA Seni 2017*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2017c. *Prospektus Program PERMATA Seni*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2017d. *Minit Mesyuarat Konsert Jelajah PERMATA Seni 2017*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2018. *Laporan Program PERMATA Seni 2018*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2019a. *Garis Panduan Pelaksanaan Program PERMATA Seni*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2019b. *Laporan Program PERMATA Seni 2019*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2020. *Laporan Statistik Peserta GENIUS Seni & GENIUS Seni Remaja 2010- 2020*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2021a. *Laporan Struktur GENIUS Seni Koir*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2021b. *Laporan Struktur GENIUS Seni Tari*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jirayudh Sithapon. 2021. Program seni persembahan kanak-kanak di Asia Tenggara. Temu bual atas talian, 17 Disember.
- Josée Vaillancourt. 2009. Music Teaching at the Elementary Level: Selecting a Song Repertoire. *The Phenomenon of Singing*, 7: 131- 138.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2015. *Belanjawan Malaysia 2016*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2017. *Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. *Program GENIUS*. <https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-dan-unit/bahagian-genius> [20 Mei 2021].
- Malaysiakini. 2019. *Permata Rosmah Akan Jadi Genius–Maszlee*. <https://www.malaysiakini.com/news/472362> [14 Julai 2021].
- Mohd Hassan Abdullah. 2007. Music Education in Malaysian Public School: Implementation Issues and Challenges. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 1(1): 29-43.
- Mustafa Fuzer. 2020. Perkembangan PERMATA/ GENIUS Seni Muzik. Temubual atas talian, 2 Disember.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah, Mohd Zariat Abdul Rani, Adil Johan & Nur Farzana Amali. 2021. Injecting National Identity Among Young Malaysians Through Dance Education. Kertas kerja, The 8th International Seminar on Nusantara Heritage (ISoNH 2021), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur, September.
- Nur Farzana Amali & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2021. Perubahan Kaedah Pembelajaran Dan Penilaian Program Permata/ Genius Seni Dalam Musim Pandemik Covid-19. Kertas kerja, The 8th International Seminar on Nusantara Heritage (ISoNH 2021), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur, September.
- Permata Gemilang*. 2011. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysiakini. 2014. *'Rosmah Tak Dapat Sesen Pun Dari PERMATA'*. <https://www.malaysiakini.com/news/277469> [7 September 2021]
- Siti Radhiah Hamsar dan Ab. Samad Kechot. 2017. Birokrasi dalam Organisasi Seni: Kajian Kes Terhadap Unit Muzik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. *Jurnal Melayu*, 16(2): 149-162.
- Syafinaz Selamat. 2020. Perkembangan PERMATA/ GENIUS Seni Koir. Temu bual atas talian, 26 November.
- Valerie Ross. 2013. Music Learning and Performing: Applying Written and Oral Strategies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90: 870 – 878.

PENGHARGAAN

Artikel ini terhasil daripada projek penyelidikan yang bertajuk “Kajian Impak Keberkesanan Pelaksanaan Sedekad Program PERMATA/GENIUS Seni” (SK-2020-018).

Biodata Penulis:

Nur Farzana Amali adalah calon Sarjana Falsafah dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian penulis menjurus kepada bidang seni persembahan lokal yang mengfokuskan pendidikan seni di peringkat kanak-kanak.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah drama, teater dan seni persembahan Bangsawan di Sarawak.